

Keintiman Bahasa dan Budaya

Siti Noraini Jupri
Ambigapathy Pandian
Shaik Abdul Malik Mohamed Ismail
Mazlina Baharudin
Azlina Md. Sadik
Razalina Md. Radzi

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
Malaysia

snoraini@usm.my

Abstrak: Bahasa dikatakan terikat dengan budaya dan sering dizahirkan dengan cara yang agak kompleks. Bahasa berkembang dalam budaya dan berfungsi sebagai nadi dalam satu jalinan yang akrab. Pada masa yang sama, budaya kerap mempengaruhi tindakan sosial manusia. Sehubungan itu, dalam pengucapan lisan kewujudan unsur budaya kompleks masyarakat sasaran sering mempengaruhi konstruks bahasa. Konotasi budaya dalam membincangkan perkembangan bahasa amat kritikal kerana mempunyai fungsi tersendiri dalam pembangunan sesebuah masyarakat. Bahasa mampu mengetengahkan sesuatu budaya kepada masyarakat global. Justeru, pendapat Kramsch (1998) bahawa "...bahasa menjelaskan kebenaran budaya" menegaskan lagi kewujudan sesuatu masyarakat, adat resam, sistem kepercayaan dan pengetahuan. Selaras dengan itu, budaya memudahkan proses pembelajaran bahasa kerana budaya melakar satu garis panduan yang boleh dipraktikkan oleh golongan yang mengamalkannya. Justeru, kertas kerja ini adalah satu usaha meneliti pendekatan pengajaran dan pembelajaran Bahasa yang disisipi Budaya Melayu kepada penutur-penutur asing. Kertas kerja ini secara khususnya akan meneliti kurikulum khas yang dibangunkan untuk meningkatkan proses pembelajaran dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan mereka. Kajian awal dilakukan terhadap pelajar dari lima buah universiti luar negara yang mengikuti program Bahasa dan Budaya Melayu di salah sebuah universiti awam di Malaysia sebagai responden dan isi kandungan kurikulum khas yang dibangunkan pula diteliti secara introspektif untuk menentukan tahap pemangkin terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Dapatan awal menunjukkan keberkesanan aspek budaya dalam mengukuhkan penguasaan dan penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tersebut didapati memberangsangkan.

Kata kunci : budaya, bahasa, penutur asing, kurikulum khas

1.0 Pengenalan

Kertas kerja ini bertujuan menjelaskan kepentingan wujudnya satu pertautan kukuh antara bahasa dengan budaya dalam pembelajaran bahasa kedua mahupun bahasa asing kerana pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing yang tidak menerapkan unsur-unsur budaya dianggap tidak dapat mencelikkan maksud sebenar sesuatu kata dalam bahasa yang dipelajarinya. Oleh itu, pembelajaran bahasa asing atau bahasa kedua mestilah turut menerapkan unsur-unsur budaya masyarakat bahasa tersebut kerana ia mewakili jati diri sesuatu masyarakat itu.

Beberapa perkara pokok akan dihalusi dalam perbincangan kertas kerja ini agar dapat memberikan makna yang sebenarnya. Secara ringkas, bahasa ialah sistem lambang bunyi suara yang digunakan sebagai alat atau penghubung dalam lingkungan satu kelompok manusia (*Kamus Dewan*, 2007) dalam kehidupan sosial mereka. Seseorang itu boleh berkomunikasi atau berhubung dengan orang lain sama ada secara lisan, bertulis atau menggunakan pelbagai kaedah lain seperti bahasa isyarat atau bahasa badan. Bahasa badan ialah proses berkomunikasi pernyataan perasaan atau pemikiran yang dizahirkan melalui pergerakan tubuh badan tanpa menggunakan perkataan (*Oxford Advanced Learner's Dictionary*, 2000). Kita mempelajari bahasa sejak zaman kanak-kanak dan menggunakan bahasa juga untuk mempelajari pelbagai kemahiran lain. Untuk menyampaikan sesuatu maklumat atau ilmu, bahasa juga digunakan sebagai perantara penyampai dan bahasa juga terikat dengan budaya yang dapat dizahirkan dengan cara yang kompleks. Sesuatu kelompok masyarakat juga boleh dikenali oleh golongan masyarakat lain melalui bahasa yang digunakan. Bahasa berkembang dalam budaya dan berfungsi sebagai nadi dalam jalinan antara kedua-duanya.

Budaya atau kebudayaan berasal daripada perkataan Sanskerta iaitu *buddhayah*, yang juga merupakan bentuk jamak daripada perkataan *buddhi* iaitu budi dan akal manusia. Dalam bahasa Inggeris, kebudayaan disebut *culture*, yang berasal daripada perkataan Latin iaitu *Colere* (Deddy Mulyana & Jalaluddin Rakhmat, 2010). Budaya juga terbentuk daripada banyak unsur termasuk agama, politik, adat istiadat, bahasa, perkakas, pakaian, bangunan, dan karya seni. Menurut Edward Burnett Tylor (2010) pula, kebudayaan merupakan keseluruhan yang kompleks, yang di dalamnya terkandung pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, hukum, adat istiadat, dan kemampuan-kemampuan lain yang dimiliki seseorang sebagai anggota masyarakat.

Dapat disimpulkan bahawa budaya atau kebudayaan ialah sesuatu unsur yang mempengaruhi tahap pengetahuan manusia yang mengandungi idea atau gagasan yang kompleks yang terdapat dalam fikiran dan diterapkan dalam kehidupan seharian mereka melalui tingkah laku, bahasa, agama, seni, dan

lain-lain dan semua perkara ini diwujudkan untuk membantu manusia dalam kelangsungan hidup bermasyarakat.

Intim bermaksud sangat mesra, rapat atau karib (bukan bersifat perhubungan dan persahabatan) manakala keintiman membawa maksud perihal (keadaan, perhubungan), intim, keakraban (*Kamus Dewan*: 2007). Dalam hal ini, seseorang yang ingin mempelajari bahasa asing atau bahasa kedua dan dalam pembelajarannya tidak diterapkan unsur-unsur budaya bahasa sasaran tersebut, akan berkemungkinan mengakibatkan salah faham atau ketidakfahaman bahasa yang dipelajarinya kerana tiadanya kepekaan dan pemahaman silang budaya (Mc Kay Sandra Lee, 2002). Justeru, munasabah jika dikatakan bahasa dan budaya tidak dapat dipisahkan dalam pembelajaran sesuatu bahasa.

Maka, dapat dikatakan bahawa bahasa dan budaya saling berkait dan menjadi pencatur utama dalam pembelajaran sesuatu bahasa. Tanpa budaya sesuatu bahasa itu tidak dapat dikenali dengan sempurna dan untuk mengenali budaya sesuatu kelompok masyarakat kita perlu mengetahui bahasa masyarakat tersebut kerana bahasa mendedahkan realiti budaya dan masyarakat (Kramsch, 1998).

2.0 Objektif

Kertas kerja ini bertujuan menonjolkan sifat bahasa dan budaya yang saling mempengaruhi dalam sistem kehidupan manusia. Bahasa yang menjadi salah satu bahagian dalam budaya dapat menggambarkan peranannya sebagai pemangkin pengembangan sesuatu budaya tersebut. Selain itu, tujuan kertas kerja ini juga untuk melihat hubungan antara kedua-duanya iaitu bahasa dan budaya bagi mengenal pasti keberkesanan Program Bahasa dan Budaya Melayu yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan (PPBLT), Universiti Sains Malaysia (USM) serta menjelaskan beberapa persoalan kajian.

Persoalan yang ditimbulkan untuk menjawab tajuk kajian:

1. Bagaimanakah kurikulum khas yang dibentuk dapat meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa?
2. Bagaimanakah bahasa dan budaya dikatakan saling mempengaruhi khususnya dalam program bahasa dan budaya Melayu?
3. Sejauhmanakah keberkesanan program bahasa dan budaya Melayu terhadap pelajar antarabangsa?

3.0 Latar Belakang Program Bahasa dan Budaya Melayu

Kursus Bahasa dan Budaya Melayu di PPBLT, USM mula ditawarkan pada tahun 2002. Kursus ini dibangunkan kerana permintaan Universiti Nanzan, di Jepun yang mahu supaya PPBLT menawarkan kursus ini bagi pelajar-pelajar mereka yang mengikuti Program *Policy Studies*. Kursus dibangunkan mengikut keperluan universiti tersebut iaitu agar pelajarannya mempelajari bahasa dan budaya masyarakat Melayu di Malaysia. Walaupun masyarakat Malaysia terdiri daripada berbilang etnik dan budaya namun, setiap kaum masih lagi mengekalkan ciri-ciri budaya masyarakat masing-masing. Begitu juga halnya dengan masyarakat Melayu, walaupun keadaan semasa menunjukkan ramai antara mereka yang telah berhijrah ke bandar namun masih ada lagi yang hidup di kawasan luar bandar, dengan mengekalkan ciri-ciri kehidupan tradisi seperti berkebun, bersawah, menjadi nelayan dan sebagainya. Bahasa Melayu pula dijadikan sebagai satu sarana untuk mereka berkomunikasi bagi mengetahui kehidupan masyarakat Melayu dengan lebih lanjut. Oleh itu, Bahasa Melayu turut diajarkan kepada mereka supaya mereka dapat menyelami dan mempelajari kehidupan masyarakat Melayu ini mengikut cara mereka sendiri.

Selain mempelajari bahasa Melayu, pelajar-pelajar ini turut mempelajari budaya Melayu melalui pelbagai aktiviti budaya masyarakat Melayu yang diperkenalkan kepada mereka seperti pakaian, masakan, tarian tradisional, adat perkahwinan dan sebagainya. Pelajar-pelajar ini juga turut dihantar ke kawasan perkampungan Melayu melalui program '*homestay*' untuk mengalami suasana kehidupan masyarakat Melayu yang sebenar. Pengalaman pelajar-pelajar ini akan dapat memberikan satu pengajaran dan petunjuk betapa uniknya bahasa dan budaya Melayu dan kehidupan masyarakatnya yang serba sederhana serta mempraktikkan bahasa Melayu yang dipelajari. Keperluan mempelajari bahasa kelompok sesuatu masyarakat penting agar pelajar dapat menyelami budaya masyarakatnya kerana kedua-dua unsur ini saling berkaitan seperti yang telah dibincangkan pada awal kertas kerja ini.

Kini, Program Bahasa dan Budaya Melayu yang ditawarkan di PPBLT, USM turut dipelajari oleh kelompok pelajar dari Walailak University, Thailand dan *University of Applied Science*, Konstanz, Jerman. Hankuk University di Korea juga pernah menghantarkan sekumpulan pelajar mereka mengikuti kursus ini. Selain diajarkan di PPBLT, kursus ini turut diajarkan di Kyushu University, Jepun. PPBLT menghantarkan seorang guru bahasa Melayu ke universiti tersebut untuk mengajarkan kursus ini. Universiti-universiti yang menghantarkan pelajar mereka telah menandatangani memorandum persefahaman dan perjanjian (MoU dan MoA) dengan PPBLT dan USM.

4.0 Kaedah

Kaedah yang digunakan untuk melaksanakan kajian ini ialah temu bual dan penilaian ujian bertulis. Pengumpulan data secara rawak daripada pelajar-pelajar yang telah mengikuti program ini. Maklum balas temu bual dilakukan pada minggu akhir kelas dan pemerhatian semasa pembentangan pelajar, praktikal (*homestay*, kelas tarian, kelas masakan tradisional, membatik dan lain-lain) lawatan ke tempat-tempat bersejarah dan berunsur budaya dan tutorial dengan rakan pelajar. Kajian juga mengambil kira penilaian (ujian) dijalankan pada akhir kursus. Jumlah pelajar yang dinyatakan di dalam jadual 1 ialah bilangan pelajar yang mengikuti kursus bahasa dan budaya di PPBLT, USM mengikut tahun dan negara.

Sampel kajian

Negara Tahun	Jepun (Nanzan)	Jepun (Kyushu)	Jerman	Korea	Thailand
2002	20	-	-	-	-
2003	17	-	-	-	-
2004	20	-		26	-
2005	20	-	-	-	-
2006	19	-	-	-	12
2007	20	-	-	-	
2008	17	-	6	-	24
2009	24	26	13	-	
2010	22	-	-	-	11

Jadual 1: Bilangan pelajar antarabangsa (Jepun, Jerman, Korea, Thailand) mengikut tahun tawaran kursus

Berdasarkan Jadual 1, pelajar dari Nanzan University (tahun 2002) merupakan kelompok perintis (pioneer) bagi program ini dan pada setiap tahun universiti ini menghantarkan pelajar-pelajarnya untuk mengikuti Program Bahasa dan Budaya Melayu di PPBLT, USM. Jumlah pelajar yang dihantarkan agak konsisten dan mereka merupakan pelajar yang memang terpilih mengikuti program ini di Malaysia. Bagi Nanzan University, pelajar yang mengikuti pengajian polisi ini turut dihantarkan ke negara-negara Asia lain seperti China, Vietnam, Korea, Thailand dan Filipina. Bagi universiti dari Korea, mereka hanya menghantarkan pelajar mereka sekali kerana universiti tersebut tidak menandatangani sebarang memorandum persefahaman (MoU) dengan USM. Kumpulan pelajar Kyushu baru mula menawarkan kursus ini pada tahun 2009 di universiti mereka sendiri dalam program semasa cuti musim panas (*Summer Programme*). Bagi pelajar

Jerman, jumlah pelajar yang dihantarkan agak kurang kerana kelompok pelajar ini dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu satu kumpulan dihantarkan ke Universitas Gadjah Mada, Jogjakarta, Indonesia dan sekumpulan lagi ke PPBLT, USM. Universiti ini menghantarkan pelajar dua kali setahun. Tahun 2008 merupakan kumpulan pertama yang mengikuti program ini yang diadakan pada bulan Ogos hingga November. Bagi kelompok pelajar Thailand, mereka turut dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama dihantarkan ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam dan kumpulan kedua dihantarkan ke PPBLT, USM. Oleh hal yang demikian jumlah pelajarinya kelihatan berbeza. Hanya pada tahun 2008 semua pelajar dihantarkan ke PPBLT, USM. Universiti ini juga menghantarkan pelajarinya selang setahun kerana pelajar-pelajar tersebut perlu mengikuti kursus persediaan bahasa Melayu di universiti mereka selama setahun terlebih dahulu.

Pelajar yang mengikuti kursus ini terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan. Pada setiap kali program dijalankan jumlah pelajar perempuan lebih ramai daripada pelajar lelaki iaitu 85% daripada jumlah keseluruhan pelajar yang mengikuti program. Bagi Nanzan University pelajar yang mengikuti program ini terdiri daripada pelajar yang mengikuti program *Policy Studies* (tahun 2), di Kyushu University, pelajar daripada pelbagai fakulti (dari tahun pertama hingga pelajar tahun akhir), pelajar Walailak University terdiri daripada pelajar program *Regional Studies* (tahun 2 dan 3) dan pelajar-pelajar dari *University of Applied Science*, Konstanz, Jerman merupakan pelajar program *Applied Science (International Management and Asian Studies*, tahun 2 dan 3). Berdasarkan maklumat yang didapatkan, semua pelajar berumur antara 19 hingga 24 tahun dan kebanyakan mereka berasal daripada keluarga yang berpendapatan sederhana dan sebahagian kecil daripada keluarga berpendapatan rendah dan tinggi. Pelajar-pelajar yang mengikuti program ini memerlukan pendedahan terhadap ciri masyarakat pelbagai budaya di Malaysia dan bahasa dan budaya Melayu dipilih kerana corak kehidupan masyarakat Melayu yang agak unik dan bahasa Melayu dan agama Islam menjadi bahasa dan agama rasmi negara ini. Di samping belajar bahasa Melayu, pelajar ini didedahkan kepada sistem sosioekonomi masyarakat Melayu.

Kekangan Tidak Terkawal

Terdapat kekangan sewaktu penyelidikan awal ini dijalankan iaitu pelajar dari Konstanz University dan Universitas Hankuk yang mempunyai pengetahuan asas bahasa Indonesia yang mempunyai sedikit persamaan dengan bahasa Melayu dari segi kosa kata. Kekangan ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pelajar antarabangsa lain yang mempelajari bahasa Melayu/Malaysia.

5.0 Dapatan

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan data yang telah dikumpulkan melalui penilaian kursus terhadap pelajar-pelajar daripada empat buah universiti luar negara yang telah menghantarkan pelajar-pelajar mengikuti kursus Bahasa dan Budaya Melayu di PPBLT dan sebuah universiti yang mengadakan kursus ini di universiti mereka. Pelajar ini bukan sahaja daripada universiti yang berbeza malah daripada jurusan yang berbeza juga. Terdapat dua kelompok pelajar iaitu pelajar yang mempunyai pengetahuan asas tentang bahasa dan budaya Melayu dan pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan asas langsung tentang bahasa dan budaya Melayu. Pelajar-pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan asas bahasa dan budaya Melayu terdiri daripada pelajar Nanzan University dan Kyushu University dan pelajar yang telah mempunyai pengetahuan asas ialah pelajar-pelajar dari Thailand, Korea dan Jerman. Seterusnya, persoalan kajian dijawab berasaskan data yang diperoleh.

a. Temu bual

i. Pengajaran Guru

Berdasarkan pendapat pelajar, secara umumnya didapati bahawa mereka dapat mengikuti pengajaran guru. Sungguhpun pelbagai perkara diajarkan namun kaedah yang digunakan oleh guru dapat memotivasikan pelajar untuk belajar.

Erika: "Kami perlu mengingat banyak perkara seperti warna, cuaca dan nombor. Tapi saya seronok belajar."

Ada kalanya terdapat pengulangan topik, namun hal ini perlu kerana latih tubi yang dilakukan akan memudahkan pelajar mengingat perkara yang dipelajari. Bahasa Inggeris mudah, digunakan untuk mengajar pelajar Jepun.

Hiroshi: "Ada kalanya kami belajar perkara yang sama tetapi dalam kelas guru yang lain. Tapi tidak mengapa."

Matt: "Guru perlu menggunakan bahasa Inggeris juga kerana ada kata-kata yang kami tidak faham."

Hanna: "Pelajaran mudah difahami dan guru memberi kami masa yang secukupnya untuk kami faham."

Bagi pelajar dari Thailand, Jerman dan Korea, oleh sebab mereka telah mempunyai asas bahasa Melayu dan Indonesia, mereka kerap tidak dapat

membezakan kata-kata bahasa Melayu dengan kata-kata Indonesia. Maka bahasa Melayu digunakan sebanyak mungkin untuk pengajaran.

Kim Soon: "Saya selalu keliru antara perkataan Melayu dengan Indonesia."

Selain itu, bagi pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Melayu, adalah lebih baik mereka mempelajari bahasa ini sedikit sebanyak sebelum mengikuti program bahasa dan budaya ini.

Hideki: "Saya tidak tahu langsung bahasa Melayu. Saya berasa agak tertekan pada mulanya. Saya rasa saya patut belajar bahasa Melayu asas sebelum datang ke Malaysia."

Sikap guru yang selalu memberikan senyuman yang positif menyenangkan hati pelajar untuk belajar. Pada masa yang sama, guru menggunakan kaedah pengajaran yang mudah untuk menarik perhatian pelajar pada peringkat awal.

Kazume: "Cikgu sentiasa senyum. Saya seronok belajar dan tidak berasa tertekan."

Chika: "Sangat senang belajar bahasa Melayu. Saya seronok dan saya mahu belajar lebih banyak lagi."

Koji: "Sangat mudah belajar sebutan. Saya dan rakan-rakan seronok mempelajarinya."

Guru turut menggunakan alat bantu mengajar untuk memberikan pemahaman dan informasi yang lebih baik.

Kim Joong: "Kami perlu menggunakan kamus Melayu-Indonesia untuk memahami perkataan Melayu."

Guru turut menjelaskan perkara-perkara yang mempunyai makna yang berbeza walaupun ejaannya sama. Interaksi antara guru dengan pelajar berlaku dan hal ini memudahkan pelajar untuk memahami pengajaran.

Yoko: "Kami selalu kertawa semasa perbincangan kumpulan. Cikgu juga selalu berbual-bual sambil memberi tunjuk ajar kepada kami. Saya tidak bosan semasa belajar."

Hubungan baik antara guru dengan pelajar amat memberangsangkan. Perkembangan pengajaran dan pembelajaran didapati bersesuaian dengan

keupayaan pelajar. Pelajar dapat mengadaptasi pembelajaran mengikuti suasana persekitaran pembelajaran. Di samping itu, toleransi guru juga membantu pelajar memahami pengajaran dengan lebih berkesan.

ii. Bahan Pengajaran

Daripada maklum balas pelajar, bahan pengajaran yang digunakan sangat baik kerana mempunyai maklumat yang ringkas dan senang difahami. Namun terdapat juga pelajar yang mengalami masalah dengan imbuhan.

Shiro: "Saya cepat faham kerana bahan pengajaran yang disediakan ringkas dan mudah difahami."

Wasana: "Perkataan berimbuhan sukar difahami."

Gambar-gambar yang menunjukkan reaksi yang pelbagai dan barang-barang yang tidak terdapat di dalam kelas yang digunakan dapat membantu pembelajaran mereka.

Yuki: "Bahan pengajaran berwarna-warni. Saya suka."

Bahan melalui makmal berkomputer turut membantu mereka mendapatkan maklumat lanjut tentang sesuatu perkara yang diminta oleh guru. Bagi melihat pemahaman pelajar berkenaan sesuatu peristiwa, filem berbahasa Melayu digunakan agar pelajar tidak berasa bosan dan mendapat pendedahan perkataan-perkataan Melayu yang lain.

Helena: "Bahan untuk makmal baik"

Lola: "Makmal komputer sangat membantu pembelajaran."

Seoung Phil: "Filem animasi tentang budaya Melayu sangat baik."

Bahan pengajaran berpandukan teknologi maklumat (ICT) membolehkan pelajar memperoleh maklumat terkini dan menyerapkannya dalam pembelajaran di dalam kelas. Pelajar dapat mengaitkan topik pembelajaran dengan situasi semasa yang lebih bersifat global.

iii. Aktiviti Luar Kelas/Lawatan

Aktiviti luar kelas turut dimasukkan ke dalam kurikulum kerana ia akan dapat membantu merangsang pembelajaran pelajar dan memberikan gambaran yang lebih luas terhadap masyarakat Malaysia.

Natsuko: "Sangat seronok. Saya jumpa banyak orang."

- Adhithep: "Cara hidup orang Melayu agak sama dengan orang Thailand. Orang Melayu juga makan Tomyam."*
- Maho: "Aktiviti 'Heritage Trail' sangat seronok. Saya dapat rasa perbezaan antara budaya Jepun dengan budaya masyarakat Malaysia."*

Idea-idea dan perkara-perkara yang dilihat dan dialami di luar kelas dapat diperjelas sewaktu pembelajaran dan sesi tutorial dengan rakan pelajar. Pelajar juga dapat merasai dan mengalami sendiri situasi sebenar kehidupan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, bahasa dan budaya. Cara ini dapat meningkatkan pemahaman pelajar dan mengenali sesuatu kaum itu melalui budaya dan bahasa mereka. Lawatan juga banyak membantu pelajar menyelami budaya masyarakat tempatan di mana mereka cuba berasimilasi dengan situasi yang berbeza dengan budaya mereka. Pelajar mendapat pendedahan tentang bahasa dan budaya Melayu dengan lebih banyak.

- Christ: "Program 'homestay' sangat memanfaatkan. Saya berharap dapat tinggal lebih lama dengan keluarga Melayu."*
- Suyoshi: "Banyak aktiviti yang baik yang saya tidak pernah alami di Jepun seperti silat dan kompang."*

Lawatan ke beberapa tempat membolehkan pelajar mengumpul data yang diperlukan untuk dimasukkan dalam tugas bagi menyediakan bahan pembentangan yang diadakan pada akhir kursus.

- Megumi: "Kadang-kadang saya berasa susah kerana tidak ada masa rehat. Masa lawatan juga perlu kumpul maklumat untuk persediaan pembentangan kemudiannya."*

Bagi pelajar Jerman, mereka kurang tertarik dengan tempat-tempat bersejarah kerana ada antara mereka mempunyai keluarga di Malaysia dan sering melawat tempat-tempat sebegini.

- Indriyani: "Biasa saja. Saya sudah selalu melawat tempat-tempat begini dan melakukan aktiviti begini sendirian."*

Pemilihan aktiviti-aktiviti luar kelas adalah sangat penting. Tempat yang menarik perhatian dan minat pelajar akan memanfaatkan pelajar. Sebaliknya tempat-tempat yang kurang menarik perhatian membosankan pelajar. Pada masa yang

sama, faktor masa lawatan juga penting kerana pelajar tidak akan berasa seronok. Oleh itu, pembelajaran yang diharapkan tidak akan tercapai.

iv. Pembentangan

Pembentangan dilakukan pada minggu terakhir iaitu selepas pelajar menghadapi ujian atau penilaian. Tajuk pembentangan telah diberikan pada minggu pertama perjumpaan dengan pelajar. Pelajar diberikan peluang untuk mencari maklumat sebanyak yang mungkin. Mereka dibantu oleh rakan pelajar untuk menyiapkan tugas.

Benjamin: "Saya perlu bersedia banyak bahan. Pembentangan buat saya takut."

Shogo: "Rakan pelajar membantu memberikan maklumat."

Toyoshima: "Banyak yang perlu saya baca dan buat."

Aoyama: "Rakan pelajar banyak membantu mencari data dan membawa kami berjumpa orang tertentu untuk mendapatkan maklumat."

Katsuko: "Bahan banyak dalam bahasa Melayu, kami kurang faham."

Pembentangan dilakukan dalam bahasa Inggeris bagi pelajar Jepun dan bahasa Melayu bagi pelajar Jerman, Thailand dan Korea. Pelajar mengaku bahawa melalui kajian mereka dapat mengetahui dan mengenali masyarakat Malaysia dan budaya Melayu khasnya dengan lebih baik.

Amelia: "Satu latihan yang bagus. Pelajar universiti perlu diberi peluang mencambah buah fikiran."

Bahasa perantara adalah penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Pelajar berupaya menyediakan bahan pembentangan walaupun mengalami pelbagai masalah seperti masalah pemahaman terhadap bahasa. Idea mampu disampaikan walaupun ada kalanya mereka tidak dapat mengelak daripada menggunakan bahasa Inggeris.

v. Penilaian

Penilaian dilakukan pada minggu terakhir iaitu tiga hari sebelum pelajar berangkat pulang ke negara asal mereka. Tujuan penilaian dilakukan untuk melihat keberkesanan keseluruhan pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan di dalam kelas dari segi kemahiran mendengar, bertutur dan menulis. Pada masa yang sama, pengetahuan tentang kata, nahu, ejaan dan pembinaan struktur ayat yang betul diuji.

Inoue: "Saya boleh jawab semua soalan."

Ayaka: "Semalam kami 'study' sampai jam 3.00 pagi."

Ujian lisan turut dilaksanakan bagi pelajar Jerman, Korea dan Thailand. Bagi pelajar Jepun hanya ujian bertulis diadakan. Hal ini demikian kerana tempoh pelajar Nanzan mempelajari bahasa Melayu hanya sebulan dan pelajar Kyushu satu minggu sahaja.

Benjamin: "Ujian lisan membantu saya bercakap Melayu. Saya sering ketemu rakan-rakan dari Indonesia dan menggunakan bahasa Indonesia untuk berbicara dengan mereka."

Somsi: "Nak cakap Melayu yang betul ketar. Tak biasa."

Didapati walaupun pelajar membuat maklum balas yang negatif namun mereka tetap mendapat markah yang baik kerana mereka benar-benar berusaha untuk menghadapi ujian. Pelajar yang kurang berusaha mendapat markah yang sederhana.

Ishikuri: "Soalan ada banyak bahagian. Saya sudah baca tetapi lupa."

Mayumi: "Saya tidak boleh tidur kerana takut gagal."

Kumiko: "Saya faham soalan tetapi lupa guna perkataan Melayu."

Kento: "Banyak yang perlu saya ingat."

Penilaian berbentuk ujian lisan dan bertulis dilakukan untuk menentukan keupayaan pelajar. Penilaian merupakan satu kayu ukur untuk melihat pencapaian pelajar pada keseluruhan. Di sini, guru dapat melihat sama ada pelajar mampu memahami dan menjawab soalan seperti yang diarahkan.

6.0 Kesimpulan dan Perbincangan

Daripada dapatan yang diperoleh, kurikulum khas yang dibentuk mampu meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa. Selain itu, kajian ini juga menjelaskan bahawa bahasa dan budaya saling mempengaruhi khasnya dalam program bahasa dan budaya Melayu. Sehingga ini, memang ternyata bahawa pengajaran dan pembelajaran

dalam program bahasa dan budaya Melayu terhadap pelajar antarabangsa memang berkesan.

a. Kurikulum khas yang dibentuk

Bagi kursus ini pembangunan kurikulum yang memberikan penekanan terhadap kelompok sasaran amat penting supaya pelajar-pelajar ini mendapat maklum balas yang lebih berkesan ketika mereka berkomunikasi dan dalam penulisan. Pendekatan dua komponen besar iaitu dimensi linguistik dan dimensi pedagogi digunakan iaitu memahami maksud kata atau ayat mengikut konteks bahasa sasaran dan memahami pelajar budaya Melayu agar pelajar memahami pengajaran guru.

Dimensi Linguistik


Peringkat	Linguistik
Semantik	Frasa-frasa leksikal yang terkandung dalam frasa-frasa ayat bahasa Melayu
Pragmatik	Ketepatan Wacana
Wacana	Perbincangan/pembentangan

Jadual 3: Kurikulum dalam dimensi linguistik berdasarkan peringkat

Semantik


Pengajaran semantik memberikan penekanan terhadap penggunaan kata dan rangkai kata yang tepat maksudnya mengikut konteks yang digunakan dalam bahasa sasaran. Sebagai contoh padanan-padanan kata yang digunakan dalam peribahasa Melayu seperti *kaki bangku*, *buruk siku*, *panjang tangan*, dan sebagainya mesti dijelaskan dalam konteks budaya masyarakat yang dipelajarinya (budaya masyarakat sasaran). Pelajar perlu memahami makna kata-kata ini mengikut konteks budaya masyarakat sasaran (Melayu). Secara literalnya '*kaki bangku*' membawa maksud tiang bangku atau meja. Namun, dalam masyarakat Melayu *kaki bangku* membawa maksud orang yang tidak pandai bermain (apa-apa sahaja permainan, contohnya bola sepak). Penjelasan tentang makna ini penting kerana pelajar akan mendapat perpsepsi makna mengikut konteks budaya mereka sendiri. Oleh itu, untuk mengajarkan maksud kata atau rangkai kata, guru perlu melihat konteks budaya atau budaya masyarakat bahasa sasaran. Sekiranya perkara ini tidak berlaku salah faham akan timbul dan maklumat tidak sampai dan menjejaskan hubungan antara kedua-duanya. Pembangunan kurikulum yang memberikan penekanan terhadap kelompok sasaran amat penting supaya pelajar-pelajar ini mendapat maklum balas yang lebih berkesan ketika berkomunikasi.

Dalam konteks pengajaran bahasa dan budaya yang dilaksanakan ini budaya membantu memberikan kefahaman yang lebih baik terhadap pelajaran yang diajarkan. Perkara ini dapat dijelaskan melalui jadual 2 iaitu pengajaran bahasa dan budaya bagi pelajar Jepun yang diajarkan oleh guru (Malaysia) menggunakan teks bahasa Melayu dan pengajarannya dilakukan di Malaysia. Kekangan mengajarkan bahasa Melayu kepada pelajar Jepun yang berada di Malaysia agak kurang kerana guru mampu memberikan penjelasan dengan menunjukkan secara terus perkara yang dijelaskan.



Jadual 4: Kurikulum pengajaran yang dilaksanakan di Malaysia (Diubahsuai daripada sumber: Sandra Lee McKay. (2002)

Berdasarkan jadual 3 menunjukkan suatu keadaan pengajaran bahasa Melayu dilakukan oleh guru (Malaysia), menggunakan teks Melayu dan diajarkan di Malaysia. Untuk mengaitkan pengajaran bahasa Melayu dengan budaya Melayu agak mudah kerana bahan-bahan atau perkara yang dijelaskan wujud di lokasi autentik dan kesan pembelajaran menjadi lebih berkesan kerana pelajar mengalami sendiri perkara yang dijelaskan. Oleh yang demikian, guru yang mengajarkan kursus bahasa dan budaya Melayu di negara budaya asal dapat menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam konteks budaya sasaran secara terus.



Jadual 5: Kurikulum pengajaran yang dilaksanakan di Jepun(Diubahsuai daripada sumber: Sandra Lee McKay. (2002)

Jadual 4 pula menjelaskan suatu keadaan yang agak berlainan berlaku iaitu pengajaran bahasa Melayu dilakukan oleh guru (Malaysia), menggunakan teks

Melayu tetapi diajarkan di Jepun. Untuk mengaitkan pengajaran bahasa Melayu dengan budaya Melayu agak sukar kerana bahan-bahan atau perkara yang dijelaskan tidak wujud di situ dan kesan pembelajaran menjadi kurang kerana pelajar membayangkan perkara yang dijelaskan seperti yang ada di negara mereka. Oleh yang demikian, guru yang mengajarkan kursus bahasa dan budaya Melayu di negara lain perlu membawa peralatan atau bahan-bahan yang bersesuaian dengan bahan pengajarannya supaya dapat memahamkan pelajar akan perkara yang diajarkan dengan lebih jelas dan mengikut konteks makna budaya sasaran.

Pembelajaran menggunakan bahan autentik diterapkan dalam kursus ini. Bahan-bahan autentik akan membuatkan guru-guru merangka kaedah penilaian yang lebih menarik dan mencabar untuk menilai pembelajaran. Apabila guru mampu membaiki kaedah penilaian mereka, pencapaian pelajar menunjukkan peningkatan yang lebih baik. (Newmann dan Wehlage:1995) Selain itu ia dilihat sebagai motivasi agar pelajar berusaha dengan lebih gigih dalam pembelajaran, termasuk mempelajari perkara-perkara asas dengan lebih banyak berbanding pembelajaran tradisional. Antara kaedah autentik yang digunakan ialah membawa pelajar memasuki hutan simpan untuk mengenali pelbagai spesies serangga dan tumbuhan ubat-ubatan tradisional Melayu yang terdapat di sana. Sebagai contoh, pokok senduduk yang tidak terdapat di negara asal pelajar. Pelajar akan merujuk kegunaan pokok senduduk dan kaitannya dengan masyarakat Melayu. Suatu ketika dahulu orang Melayu di kawasan luar bandar menggunakan daun senduduk untuk mengubati luka. Didapati, bahan autentik sering lebih menarik dan bermakna bagi pelajar daripada teknik latih tubi yang bermatlamat memberikan pengetahuan dan kemahiran yang tidak berkesinambungan. Teknik pembelajaran menggunakan bahan-bahan autentik ini mampu membantu menentukan misi pembelajaran secara terfokus.

Pragmatik

Pada peringkat ini pelajar akan diberikan pendedahan terhadap ketepatan dan kesesuaian kata. Kata-kata atau rangkai kata yang dipilih mestilah mengikut konteks yang betul. Sekiranya seseorang bertanyakan sesuatu, jawapan yang diberikan mestilah mengikut konteks soalan. Contohnya, sekiranya seseorang memuji pakaian yang dipakai itu cantik, jawapan yang harus diberikan mungkin dengan senyuman dan perkataan '*terima kasih*'. Begitu juga halnya sekiranya seseorang itu bertanyakan '*Sudah makan atau belum?*', maka sudah tentu jawapan yang diberikan sama ada '*sudah*' atau '*belum*'. Sekiranya ada yang menjawab '*Saya sudah kenyang*' maka dapat dikatakan ketepatan atau kesesuaian jawapan tidak ada. Kadangkala terdapat juga jawapan yang diberikan dengan menimbulkan reaksi yang lain, contohnya sekiranya kita mengucapkan '*tahniah*' kerana kejayaan dalam pelajaran, jawapan yang akan diberikan '*Tak adalah, saya tidak belajar betul-betul pun*'. Oleh itu, jawapan yang ringkas dan tepat perlu diberikan bagi menepati kehendak soalan yang

ditanyakan. Jawapan yang seharusnya diberikan bagi soalan tadi mungkin dengan mengucapkan '*terima kasih*'.

Pragmatik ialah ilmu linguistik yang mengkaji makna bahasa dalam penggunaannya (*language in use*). Ia juga bermaksud satu ilmu menginterpretasi makna atau analisis perbualan. Pada umumnya pragmatik mengkaji makna dalam satu konteks atau situasi perbualan dan makna tidak terpisah daripada konteks tersebut. (Imran Ho Abdullah, 2009). Leech (1983) telah mengungkapkan bahawa seseorang tidak dapat benar-benar memahami bahasa melainkan dia memahami ilmu pragmatik.

Oleh yang demikian dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing, penutur tersebut perlu tahu fungsi bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi agar maksud yang ingin disampaikan dapat difahami oleh penerima dan orang yang diajak bertutur juga perlu mengetahui maksud yang ingin disampaikan oleh penutur mengikut keadaan atau konteks pertuturan tersebut.

Wacana

Pada peringkat awal kelas pelajar-pelajar telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan telah diberikan tugasan mengikut topik yang berkaitan dengan masyarakat Melayu. Pelajar diminta melakukan penyelidikan tentang topik-topik yang diberikan contohnya dari segi agama, pendidikan, ekonomi dan alam sekitar. Pada hari terakhir kelas pelajar akan diminta membuat pembentangan di hadapan rakan pelajar, guru dan pensyarah-pensyarah bahasa Melayu yang lain untuk melihat keupayaan mereka mengumpul data dan membuat pembentangan di samping cuba mengaplikasi bahasa Melayu yang dipelajari. Contohnya pelajar yang mendapat tajuk tentang agama Islam akan mencari maklumat mengenainya sama ada melalui pembacaan di perpustakaan, lawatan ke Pusat Islam (USM), Muzium Islam, Pulau Pinang atau melalui temu bual dengan pensyarah Pengajian Islam. Perbincangan dan dapatan kajian yang dilakukan dalam tempoh yang diberikan kemudiannya akan dijadikan bahan untuk mereka melakukan pembentangan. Selepas pembentangan persoalan akan ditimbulkan dan komen-komen terhadap perkara yang kurang tepat akan dilakukan juga.

Dimensi Pedagogi

Pedagogi	
Bahan	Kaedah
Buku teks khas dan bahan pandang-dengar yang dihasilkan untuk program	Pengajaran di dalam kelas (makmal bahasa, ' <i>smart lab</i> ' dan makmal komputer

Bahan budaya sasaran	Tutorial dengan rakan pelajar Lawatan ke industri, ' <i>out door class</i> ' dan aktiviti budaya ' <i>Homestay</i> '
Bahan rujukan tambahan	Pembentangan
Soalan peperiksaan	Penilaian

Jadual 6: Kurikulum berpanduan dimensi pedagogi

b. “Bahasa dan Budaya” saling mempengaruhi khasnya dalam program bahasa dan budaya Melayu

Bahasa dan budaya mempunyai kaitan yang rapat. Menurut Valdes (1986) adalah mustahil sekiranya pengajaran bahasa tidak turut memasukkan kandungan atau komponen budaya. Bahasa dalam konteks budaya turut memperlihatkan hubungan penggunaan bahasa dan tingkah laku terhadap bahasa dalam rangkaian sosiobudaya kerana penggunaan bahasa yang indah dan menarik melambangkan budaya yang sedemikian juga. Sekiranya dilihat dalam budaya Melayu, masyarakat Melayu mengamalkan sikap sopan santun ketika bercakap dengan orang yang lebih tua dan menunduk meminta laluan sekiranya lalu di hadapan orang yang lebih tua atau dihormati. Bahasa juga berperanan membentuk kreativiti dan nilai dan digunakan untuk membentuk, membangun serta memperkuat sesebuah institusi atau organisasi bagi menentukan jati diri sesuatu bangsa. Menurut Borwn (1986), komponen budaya perlu diajarkan semasa mengajarkan bahasa kerana ia merupakan bahagian yang paling penting dalam interaksi antara bahasa dengan pemikiran. Corak budaya, adab dan cara hidup turut dijelaskan dalam bahasa. Penerapan nilai-nilai ini dapat dilihat dalam program *homestay* yang memerlukan pelajar-pelajar memahami budaya masyarakat Melayu agar mereka berupaya menjalinkan rasa hormat-menghormati. Pandangan dunia khususnya dari segi budaya terungkap dalam bahasa. Bahasa merupakan unsur budaya yang amat penting dan sebagai unsur budaya, bahasa sering mengalami perubahan disebabkan adanya pengaruh budaya dan masyarakat. Menurut Cortazzi dan Jin (1999) budaya memainkan peranan penting dan utama dalam bahan pengajaran dan kaedah pengajaran.

c. Keberkesanan program bahasa dan budaya Melayu terhadap pelajar antarabangsa

Bahan Pengajaran

Selain buku teks khas, bahan-bahan elektronik seperti cakera padat dan pita rakaman disediakan. Peralatan di dalam Makmal bahasa dan makmal berkomputer digunakan untuk memudahkan pelajar-pelajar mengakses bahan-

bahan pembelajaran yang bersesuaian yang terdapat dalam laman sesawang. Bahan-bahan autentik seperti permainan tradisional turut dijadikan sebagai salah satu bahan pengajaran. Bahan pengajaran yang disediakan mampu menarik minat pelajar.

Kaedah Pengajaran

Dalam usaha mengajarkan Kursus Bahasa dan Budaya ini sekurang-kurangnya enam kaedah telah digunakan iaitu pengajaran bahasa Melayu/Malaysia di dalam kelas/makmal bahasa/*'smart lab'*, tutorial dengan rakan pelajar (*student buddies*), lawatan dan aktiviti budaya, *homestay*, pembentangan dan penilaian. Kaedah yang digunakan amat perlu kerana semuanya saling berkait. Apa-apa sahaja pengajaran yang dilakukan di dalam kelas/makmal bahasa/*'smart lab'* dapat dikaitkan dengan corak atau cara di luar kelas dan apa-apa yang dipelajari di luar kelas dapat dibincangkan semula atau ditanyakan kepada guru semasa kelas. Tutorial dengan rakan pelajar sangat bermanfaat kerana mereka dapat membantu menjelaskan pelbagai konsep yang dikaitkan dengan budaya masyarakat Melayu. Lawatan ke industri kecil dan sederhana di kawasan luar bandar (di kampung-kampung) telah menyedarkan pelajar-pelajar tentang corak ekonomi masyarakat Melayu. *'Out door class'* juga diketengahkan supaya memudahkan pelajar beradaptasi dengan situasi masyarakat untuk mendapatkan input bahasa melalui budaya yang dialami oleh mereka. Aktiviti budaya seperti mempelajari masakan tradisi Melayu, tarian dan permainan tradisional Melayu mendekatkan lagi pelajar-pelajar kepada masyarakat dan mereka dapat menyelami corak hidup masyarakat yang hidup secara sederhana. *Homestay* merupakan satu ujian kepada pelajar-pelajar untuk mereka menerapkan perkara-perkara yang telah diajarkan sama ada di dalam kelas atau di luar kelas. Sewaktu tinggal bersama-sama keluarga angkat pelajar-pelajar akan merasai sendiri kehidupan keluarganya yang mewakili sebahagian kecil masyarakat Melayu. Melalui cara ini pelajar-pelajar akan lebih menyelami suasana dan corak hidup masyarakat Melayu. Kesannya pelajar akan belajar menghormati, bertolak ansur dan menerapkan nilai budi bahasa pada diri mereka.

7.0 Cadangan

Melalui penelitian kandungan yang terdapat dalam bahan pengajaran sedia ada perlu dikekalkan dan penambahbaikan boleh dilakukan dengan melihat keupayaan berbahasa pelajar yang mengikuti kursus pada tahun tersebut dengan membuat nota tambahan. Bahan teknologi maklumat (ICT) perlu dipelbagaikan agar pelajar lebih bermotivasi. Persekitaran pengajaran dan pembelajaran budaya perlu bersesuaian dengan bahan/perkara yang akan diajarkan.

Kajian yang dilakukan ini terhad kepada kurikulum, budaya dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Cadangan untuk melanjutkan kajian ini dalam beberapa perspektif lain seperti tingkah laku pelajar, kajian bandingan antara dua budaya dan perspektif lain yang boleh dikaitkan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa dan budaya kepada penutur asing.

8.0 Penutup

Kajian awal ini mendapati bahawa pembelajaran bahasa dan budaya berupaya membantu pelajar mempelajari bahasa Melayu dengan lebih mudah dan baik. Berdasarkan penawaran kursus Bahasa dan Budaya Melayu di PPBLT, didapati bahawa ciri-ciri utama budaya Melayu telah diperkenalkan secara tidak langsung kepada pelajar asing melalui peranan yang dimainkan oleh masyarakat setempat, rakan pelajar (*student buddies*) dan *homestay*. Budaya Melayu yang sering mengutamakan sikap menghormati tetamu, cara bertegur sapa dengan sopan, dan mengutamakan tetamu telah memberikan satu gambaran kepada golongan pelajar Jepun, Jerman, Thailand dan Korea bahawasanya masyarakat Melayu memang mempunyai satu budaya unik yang boleh dikongsi bersama.

Bahasa dalam konteks budaya sememangnya turut memperlihatkan hubungan penggunaan bahasa dan tingkah laku terhadap bahasa dalam rangkaian sosiobudaya kerana penggunaan bahasa yang indah dan menarik melambangkan budaya yang sedemikian juga. komponen budaya perlu diintegrasikan semasa mengajarkan bahasa kerana budaya merupakan intipati paling penting dalam interaksi antara bahasa. Justeru, hubungan antara bahasa dengan budaya seperti irama dan lagu yang sememangnya tidak boleh dilaikan.

Kursus bahasa dan budaya boleh diketengahkan terutamanya kepada generasi kini agar mereka tidak akan hanyut dan tenggelam dalam arus kemodenan dan tidak mengenali budaya sendiri. Kursus ini turut perlu diketengahkan kepada masyarakat luar negara kerana Malaysia perlu mempunyai satu identiti yang boleh dirujuk sebagai sebuah negara yang mempunyai berbilang etnik; cantik dengan bahasa dan budaya negaranya.

Bibliografi

Hornby, A.S. (2000). *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English. Sixth Edition*. Oxford University Press.

Cortazzi, M. and Jin, L. (1999). *Culture in Second Language Teaching*. Cambridge: Cambridge University Press.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kramsch, C. (1998). *Language and Culture*. Oxford: Oxford University Press.

Kramsch, C. (2001). *Context and Culture in Language Teaching*. Oxford: Oxford University Press.

Lange, D. L. & Paige, R. M. (2003). *Culture as the Core: Perspectives on Culture in Second Language Learning*. Greenwich: Information Age Publishing Inc.

Leech, G. N. (1983). *Principles of Pragmatics*. London: Longman.

Sandra, L. M. (2002). *Teaching English as an International Language: Rethinking Goals and Approaches*. Oxford: Oxford University Press.

Valdes, J. M. (ed.) (1986). *Culture Bound*. Cambridge: Cambridge University Press.

Rujukan Internet

Human Communication: Konteks-konteks Komunikasi. ^ Deddy Mulyana dan Jalaluddin Rakhmat. *Komunikasi Antarbudaya: Panduan Berkomunikasi dengan Orang-Orang Berbeda Budaya*. 2006. Bandung: Remaja Rosdakarya. hal.25. (Diakses pada 28 April 2010.)

Imrah Ho Abdullah. (2009) Semantik dan Pragmatik.
<http://www.docstoc.com/docs/20629217/Semantik-dan-Pragmatik-?-Bahasa-Melayu>. (Diakses pada 13 Mei 2010.)

Tylor, E.B. 1974. *Primitive culture: researches into the development of mythology, philosophy, religion, art and custom*. New York: Gordon Press. First published in 1871. ISBN 978-0-87968-091-6
(Diakses pada 28 April 2010.)

Newmann, F.M., Secada, W.G. & Wehlage, G.G. (1995). *A Guide to Authentic Instruction and Assessment: Vision, Standards and Scoring*. Madison, WI: Document Service, Wisconsin Center for Education Research. (Diakses pada 25 Mei 2010)